

Kerjasama UMS, Universiti Wuyi buahkan hasil

► Jalin 'hubungan mesra' antara dua universiti

UB 3.7.2018 AS

Oleh JOHN TAMBANAN

KOTA KINABALU: Surat niat (LoI) yang ditandatangani antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Wuyi, China bagi kerjasama bersama tahun lepas telah membuahkan hasil.

Konsul Jeneral Republik Rakyat China di Kota Kinabalu Liang Caide menyaksikan majlis menandatangani LoI pada 30 Oktober 2017.

Presiden Persatuan Sze Yip Bersatu Sabah Datuk Susan Wong Siew Guen berkata kumpulan pertama lapan pelajar kejuruteraan dari UMS telah tiba di Wuyi University pada 24 Jun untuk latihan selama dua bulan mengenai pengurusan dan penyelenggaraan kereta api berkelajuan tinggi.

Para pelajar kini tinggal di asrama universiti yang membolehkan mereka mempunyai pengalaman berkongsi

makanan dengan lebih 20,000 rakan sebaya mereka di kantin.

Lapan pelajar yang dipilih untuk latihan di Wuyi University terdiri daripada pelajar Cina, bumiputera dan muslim. Mereka adalah Tan Huei Shien, Nur Shari-dah Michelle Auelino, Poh Chyong Yi, Susan Goh Shi Ji, Tan Suat Ling, Hamzarul Alif Hamzah, Vincent Chung Khai Siang dan Nurul Izyan Fatanah Kamaruddin.

Susan yang juga pengarah Universiti Wuyi telah bertolak ke Bandaraya Jiangmen untuk melawat para pelajar berkenaan bagi memastikan program pertukaran pertama berjalan lancar.

Beliau juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Canselor Universiti Wuyi Profesor Zhang Kun dan pegawai lain.

Zhang berkata universiti itu akan menghantar 20 pelajar China ke UMS untuk kursus



SUSAN bersama profesor universiti dan pelajar UMS.

bahasa pada Oktober tahun ini.

Beliau juga berterima kasih kepada Susan untuk memu-

dahkan hubungan 'universiti mesra' antara kedua-dua universiti.

Susan mengucapkan terima

kasih kepada semua pihak atas bantuan mereka untuk memastikan kerjasama itu menjadi kenyataan.